

MERAJAKAN BERTANGG

Membiarkan media massa lakukan
pembobongan dan penipuan – Mahathir

Oleh
Badrul Azhar Rahman

KUALA LUMPUR 1 Ogos – Kerajaan yang membiarkan media massanya melakukan pembobongan dan penipuan hingga boleh melemahkan kestabilan dan ekonomi sesebuah masyarakat adalah kerajaan yang tidak bertanggungjawab, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau menegaskan, walaupun kebebasan akhbar dan kebebasan untuk mendapatkan maklumat itu tidak patut disekat tetapi perbuatan pembobongan melalui media massa tidak boleh diberi tempat sama sekali.

Oleh yang demikian, katanya, kerajaan di mana sekali pun, harus membimbing media massa masing - masing kerana kebebasan akhbar ala Barat boleh merosakkan negara - negara sedang membangun, khususnya di Asia Tenggara.

Berucap merasmikan Persidangan Kedua Menteri - Menteri Penerangan ASEAN di sini, Perdana Menteri berkata:

“Adalah menjadi tanggungjawab sesebuah kerajaan memberi sedikit - sebanyak bimbingan tanpa mengubah demokrasi kepada demokrasi terpimpin.

Menurutnya, sebuah kerajaan bukan saja perlu mempertahankan demokrasi dan kebebasan akhbar tetapi memastikan masalah ekonomi dan sosial rakyat terpelihara.

“Semangat bertolak ansur perlu ada tetapi perbuatan fimah yang sengaja dicipta bagi melemahkan sesebuah negara tidak boleh diberi muka,” kata Perdana Menteri.

Beliau menjelaskan, perkembangan yang berlaku sejak akhir-akhir ini menunjukkan perbuatan fitnah dapat berselindung di sebalik apa yang dikatakan kebebasan akhbar.

Melepasi batas kebebasan

Dengan bersenjatakan media, katanya, pihak akhbar bukan saja dapat melaporkan pandangan atau pendapat yang salah tetapi melemahkan kestabilan s&a ekonomi sesebuah negara.

Merujuk kepada media Australia, Perdana Menteri berkata, media di negara tersebut telah melepasi batas - batas kebebasan akhbar hingga sanggup menimbulkan suasana yang tidak benar tanpa menghiraukan kesan penipuan itu.

Menurutnya, laporan tentang sesuatu keburukan boleh disiarkan, begitu juga tentang sesuatu kebaikan tetapi mengadakan perkara yang tidak berlaku adalah luar dari batas - batas kebebasan itu.

Hubungan Malaysia - Australia menjadi renggang pada tahun lalu ekoran daripada laporan buruk media Australia terhadap negara ini.

Bagaimanapun, Menteri Luar Australia, Senator Gareth Evans yang juga utusan khas Perdana Menteri, Bob Hawke telah menemui Dato' Sri Dr. Mahathir di Kuala Lumpur baru - baru ini untuk mencari penyelesaian kepada masalah hubungan itu.

“Kita menghargai bahawa

(LIHAT MUKA 2

YANG TAK UNG JAWAB

KERAJAAN YANG TAK BERTANGGUNGJAWAB

U.N. 2 - AUG 1991
 Kerajaan Australia tidak dapat mengawal akhbar - akhbar tetapi mereka sekarang - kurangnya patut membebaskan diri daripada perbuatan tersebut.

"Malaysia juga tidak mengongkong akhbarnya, sebagai contoh, akhbar 'Watq'n' ielas tidak melambangkan sama sekali pandangan Kerajaan Malaysia," kata beliau.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, negara - negara ASEAN seharusnya mengawal atau meletakkan garis panduan kepada kebebasan akhbar di rantau ini supaya kestabilan negara terus terjaga.

"Memanglah sukar untuk memberikan kebebasan akhbar di samping tanggungjawab membangunkan negara malah bukanlah mudah untuk mengharamkan sesebuah akhbar atau memecat seseorang wartawan tanpa mendapat kritikan daripada golongan ini," tambahnya.

Beliau menarik perhatian bahawa penguasaan yang meluas oleh akhbar - akhbar berbahasa Inggeris di arena antarabangsa membuktikan kebebasan akhbar yang diagung - agungkan itu hanya dirasai oleh satu pihak saja.

"Ini adalah kerana negara - negara yang menggunakan bahasa Inggeris menguasai dunia perstatkhabaran manakala negara - negara miskin yang tidak menggunakan bahasa Inggeris tidak dapat memberi pendapat atau penjelasan terhadap sesuatu laporan tentang mereka.

"Kita bercakap soal hak kemanusiaan, keadilan dan keseimbangan tetapi adakah ini wujud jika segolongan manusia saja yang berpeluang mempengaruhi fikiran masyarakat dunia," katanya.

Dengan itu, jelas Perdana Menteri, perbuatan pembohongan, penipuan dan memberi laporan yang selektif terhadap negara - negara miskin terus berlaku.

. Dalam usaha negara - negara ASEAN memba-

ngunkan rantau ini, kata beliau, salah satu faktor penting adalah kestabilan politik dan ini hanya boleh dicapai melalui masyarakat yang mendapat maklumat yang jelas dan bertanggungjawab.

Oleh itu, katanya, demokrasi yang menyebabkan masyarakat terus - menerus tidak stabil, tidak selamat dan pertumbuhan ekonomi yang rendah akan menjejaskan usaha ini.

"Berlakunya amalan penipuan dan pembohongan yang berleluasa ini bukan saja akan menjejaskan demokrasi tetapi sistem itu sendiri dan inilah yang perlu dihentikan oleh negara - negara ASEAN," tambah Dato' Sri Dr. Mahathir.

Bercakap kepada para pemberita selepas itu, Perdana Menteri menegaskan negara - negara ASEAN berhak mengamalkan sesuatu dasar akhbar yang difikirkan baik untuk semua negara anggota.

Beliau percaya tidak ada negara di ASEAN yang sanggup membiarkan amalan pembohongan di media massa.

Mengenai dasar kerajaan terhadap penerbitan - penerbitan di Malaysia, katanya, kerajaan bersikap tolak ansur. Ditanya tentang majalah 'Far Eastern Economic Review (FEER),' katanya, majalah itu sepatutnya dipanggil 'Far Eastern Political Review' kerana ia tidak langsung merupai majalah ekonomi tetapi lebih kepada politik.

"Saya tidak baca majalah seperti ini kerana ia bukan seperti majalah ekonomi yang lain yang penuh dengan fakta - fakta dan butir - butir ekonomj," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri, majalah itu tidak pernah diharamkan di negara ini.

Kerajaan baru - baru ini melarang majalah FEER keluaran 4 Julai daripada diimport ke negara ini kerana ia mengandungi bahan - bahan yang dapat menjejaskan hubungan antara negara - negara ASEAN.